

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. TAN SENG GIAW [ KEPONG ]**

**TARIKH : 16 MAC 2015 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**YB Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keadaan sebenar berlakunya banjir besar, sebab-musabab, bilangan mangsa, bilangan kematian, kos kemusnahan rumah, jalan raya, jambatan dan kos pemulihan.

**JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada laporan awal Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS), antara punca berlakunya banjir sehingga menyebabkan kemusnahan banyak rumah pada episod musim tengkujuh pada tahun 2014-2015 adalah seperti berikut:

- a) kejadian hujan lebat yang ekstrem, menyeluruh dan berterusan selama 10 hari (iaitu antara 15 Disember 2014 hingga 24 Disember 2014). Mengikut rekod pemantauan JPS, purata hujan tahunan bagi Negeri Kelantan adalah sekitar 3000mm. Walau bagaimanapun akibat fenomena perubahan iklim, sebanyak 30% (iaitu 944mm) dari jumlah hujan tahunan telah turun dalam tempoh 10 hari tersebut di Negeri Kelantan. Berdasarkan kepada pemantauan stesen telemetri JPS, kebanyakan aras air sungai di Negeri Kelantan telah meningkat melebihi tahap bahaya;
- b) kawasan tanah di kawasan tadahan telah menjadi tepu dan tidak mampu untuk menyerap air hujan yang turun secara berterusan. Air hujan yang turut kemudiannya telah menjadi air larian permukaan dan meningkatkan isipadu air banjir sedia ada;
- c) kejadian air pasang besar (*spring tide*) yang berlaku pada tempoh yang sama. Aras air pasang yang tinggi telah menyebabkan pertembungan air banjir dengan air laut yang memburuk keadaan; dan

- d) topografi kawasan yang rendah dan landai serta berdekatan dengan sungai yang berarus deras menyebabkan kemusnahan kepada kediaman.

Sepanjang tempoh musim tengkujuh 2014-2015, bilangan keseluruhan mangsa yang terjejas dengan bencana banjir adalah seramai 541,896 orang dari 136,447 keluarga manakala angka korban akibat banjir yang dikeluarkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) pula adalah seramai 25 orang.

Seperti mana yang telah diumumkan YAB Perdana Menteri semasa Semakan Bajet 2015 pada 21 Januari 2015, kejadian banjir yang melanda Negara pada musim tengkujuh 2014-2015 juga telah mencatat kerugian harta benda dan infrastruktur awam yang berjumlah RM2.9 billion. Bagi tujuan pemulihan infrastruktur, Unit Perancang Ekonomi (EPU) telah memperuntukkan sebanyak RM1.82 billion kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan bagi menjalankan kerja-kerja membaik pulih.

Antara tindakan pemulihan yang sedang dilaksanakan Kerajaan bagi membantu mangsa-mangsa yang terjejas akibat bencana banjir musim tengkujuh lalu adalah seperti berikut:

- a) Bantuan perbaikan rumah kepada mangsa-mangsa yang layak di bawah Program Perbaikan Kerosakan Rumah-Rumah Mangsa Banjir. Sehingga kini, sebanyak 6,693 buah rumah layak menerima bantuan ini berdasarkan siling perbaikan sehingga RM10,000 setiap seunit rumah. Program ini dilaksanakan secara bersama oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) bersama dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (*Construction Industry Development Board – CIDB*), GiatMara, Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR), Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) di Negeri Kelantan, Pahang, Terengganu dan Perak dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM40 juta; dan
- b) Program pembinaan semula rumah yang diselenggarakan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR). Sebanyak 2,094 keluarga layak menerima bantuan ini susulan kemusnahan rumah (*total loss*) akibat banjir. Seperti mana yang telah diumumkan Kerajaan, 2 model rumah akan didirikan iaitu jenis bertiang atas tanah dengan kos RM40,000 hingga RM48,000 sebuah dengan jumlah kos keseluruhan sebanyak RM174 juta.

Sekian. Terima kasih.